

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 31.12.2024 MASA: 03.40PM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN**  
**AHLI MAJLIS**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**TAHUN 2025**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**3 JANUARI 2025 (JUMAAT)**  
**9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA**  
**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

- 1. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang
  - 2. Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid**  
Timbalan Ketua Menteri 1
  - 3. Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau  
Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar &  
Desa
  - 4. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Pulau Pinang**
  - 5. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau  
Pinang**
  - 6. Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai
  - 7. Ketua-Ketua Jabatan Negeri Pulau Pinang**
  - 8. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Pera**
  - 9. Rakan-Rakan Media**
  - 10. Tuan-Tuan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**
- .....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2025.
2. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Ahli-Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; rakan-rakan media; dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada pagi yang berbahagia ini.
3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan perbandaran, kesejahteraan komuniti, dan kemakmuran masyarakat. Ahli Majlis pula memainkan peranan yang amat penting dalam sinergi perbandaran, berfungsi sebagai penghubung antara pihak berkuasa tempatan dengan masyarakat. Dengan kepimpinan yang bijaksana, Ahli Majlis mampu merancang, melaksanakan dan memantau inisiatif yang memberi impak positif

kepada pembangunan perbandaran. Mereka berperanan dalam mendengar dan menyampaikan suara rakyat, serta memastikan setiap keputusan yang diambil memberi manfaat kepada kesejahteraan bersama.

4. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang telah menyumbang bakti selama bersama dengan MBSP khususnya bagi tahun 2024 dengan memberikan sepenuh komitmen dan dedikasi kepada MBSP dan masyarakat. Kejayaan tuan-tuan dan puan-puan dalam meraih kepercayaan dan hati penduduk setempat melalui pelbagai program amatlah dihargai. Jasa dan pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan akan sentiasa dikenang dan tidak akan dilupakan.
  
5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima senarai nama 24 Ahli Majlis Tahun 2025 daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 membuat pelantikan Ahli Majlis MBSP untuk tempoh setahun iaitu mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025. Daripada 24 Ahli Majlis berkenaan, seramai 18 Ahli Majlis telah dilantik semula untuk menjadi Ahli Majlis bagi tahun 2025 dan enam (6) Ahli Majlis tidak lagi berkhidmat sebagai Ahli Majlis MBSP dan digantikan dengan Ahli Majlis yang baru.

6. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan Ahli Majlis yang baru dilantik yang terdiri daripada enam (6) orang iaitu:-

- i. YBhg. Encik Lim Eng Nam daripada Parti Pakatan Rakyat (PKR)
- ii. Encik Azman Bin Rahim (PKR)
- iii. Puan Yeoh Kim Kim (PKR)
- iv. Encik Mohd Aisamuddin Bin Mohamad Kaman (PKR)
- v. Encik Zulkifli Bin Md Yusuf (PKR)
- vi. Encik Zulkipli Bin Ishak daripada Parti AMANAH

Bagi yang baru dilantik, tahniah diucapkan. Semoga berjaya dalam mengorak langkah bersama MBSP untuk memberikan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat Seberang Perai. Teruskan usaha murni yang telah diperjuangkan oleh semua Ahli Majlis sebelum ini demi pembangunan dan kemakmuran Seberang Perai.

7. Di kesempatan ini, MBSP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada enam (6) Ahli Majlis yang tidak lagi bersama kita iaitu:

- i. Encik Anuar Bin Yussoff (PKR)
- ii. Encik Ong Jing Cheng (PKR)
- iii. Puan Norly Masitah Binti Mohamed Noor (PKR)
- iv. Puan Nurhidayah Binti Che Rose (PKR)

- v. Encik Muhammad Fazli Bin Roslan (PKR)
  - vi. Encik Muhammad Fitri Bin Tarmizi (AMANAH)
8. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai selama ini. Dedikasi, komitmen, dan usaha gigih anda dalam memperbaiki kehidupan masyarakat dan pembangunan perbandaran amat dihargai. Jasamu akan sentiasa dikenang dan menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus berkhidmat demi kebaikan bersama. Semoga segala usaha dan sumbangan yang telah diberikan mendapat ganjaran yang setimpal dan berkekalan.
9. Marilah kita bersatu dan berusaha untuk menggalas kepercayaan, tanggungjawab dan amanah ini dengan sebaiknya dan seterusnya mengekalkan budaya kerja berpasukan, budaya kerja proaktif, inovatif, inklusif dan mengambil kira akan pandangan rakyat bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang seterusnya menjadikan Seberang Perai Bandar Aspirasi Bandaraya Masa. Kita semua adalah satu pasukan dan saya berharap agar kita dapat meletakkan kepentingan dan kebajikan rakyat sebagai fokus utama Majlis.
10. Menjadikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) *business-ready* adalah satu langkah penting dalam memastikan organisasi berfungsi dengan cekap dan berdaya saing. Dengan memfokuskan pada pembangunan infrastruktur yang mampan, perkhidmatan yang efisien, dan

penggunaan teknologi moden, MBSP dapat mencipta persekitaran yang mesra perniagaan.

11. Bekerja dalam pasukan adalah kunci utama dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan organisasi. Sinergi yang terjalin antara pelbagai pihak, baik dalam kalangan ahli majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai kerajaan serta komuniti setempat, akan memacu MBSP ke arah pencapaian matlamat yang lebih besar. Kerjasama yang erat dan komunikasi yang berkesan akan memastikan segala inisiatif dan program dapat dilaksanakan dengan jayanya, sekali gus memperkukuhkan daya saing dan kemakmuran organisasi serta masyarakat. Teruskan usaha berbakti kepada masyarakat kerana saya yakin dengan bakti yang ikhlas ada balasan dan hikmah disebaliknya.
12. Akhir kata, sekali lagi sekalung TAHNIAH di atas pelantikan ini dan terima kasih di atas sumbangan dan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan warga kerja MBSP selama ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***